



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

27 Mei 2022

KENYATAAN MEDIA

BERHUBUNG

SIASATAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA TERHADAP PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN PENYALAHGUNAAN KUASA DALAM MENGALIHKAN BANTUAN SERTA PAKEJ RANGSANGAN YANG DIBERIKAN KERAJAAN

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen memandang serius kenyataan Yang Berbahagia Tan Sri Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 24 Mei 2022 bahawa agensi penguat kuasa berkenaan sedang menjalankan siasatan terhadap perolehan perkhidmatan perubatan; penyalahgunaan kuasa dalam mengalihkan bantuan serta pakej rangsangan yang diberikan Kerajaan.
2. Sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat yang mempunyai mandat untuk memeriksa perbelanjaan Kerajaan supaya ia mematuhi undang-undang, peraturan kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa, syarat kontrak dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur, PAC tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengaut keuntungan demi kepentingan peribadi.
3. Sehubungan itu, saya sudah memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Audit Negara pada hari semalam, supaya Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan khas terhadap perolehan dan perbelanjaan Kerajaan untuk perkhidmatan perubatan ketika negara berhadapan dengan wabak Covid-19,

dan isu penyalahgunaan kuasa dalam mengalihkan bantuan serta pakej rangsangan yang diberikan Kerajaan.

4. Pengeauditan khas ini harus disegerakan dengan dapatan dan hasil dibentangkan kepada PAC supaya Jawatankuasa ini dapat mengenal pasti wujud unsur penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan kuasa dalam perolehan perkhidmatan perubatan ini.
5. Dengan pengeauditan khas yang dinyatakan di atas, PAC akan menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) dan Peraturan Mesyuarat 77(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Seksyen III, Perkara 11 (b), Pekeliling Am No. 2 (1982) untuk memanggil Kementerian Kewangan (MOF), SPRM serta Kementerian / Agensi yang terbabit memberikan taklimat dan penjelasan kepada jawatankuasa ini berhubung perkara ini

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Wong Kah Woh